



## PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI BERKENAAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI, 1972

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi, 1972 dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan perkara rasmi kepada mana-mana orang yang tidak dibenarkan adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 8 Akta Rahsia Rasmi, 1972 serta pindaan-pindaan ke atasnya yang boleh dihukum penjara dan denda keduanya.

Saya faham bahawa segala maklumat rasmi yang saya peroleh dalam perkhidmatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka adalah milik kerajaan dan tidak akan dibocorkan, disiarkan atau disampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa juga dalam apa-apa bentuk kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Naib Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan perkhidmatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Tempat :..... Tandatangan :.....

Tarikh :..... No.Kad Pengenalan :.....

Nama :..... Jawatan :.....